

07/07/1999

Shahnon terima sebarang tafsiran

GEORGETOWN, Selasa - Penulis novel Shit, Prof Datuk Shahnon Ahmad, berkata beliau menerima sebarang tafsiran berhubung ucapannya yang dikatakan memohon maaf daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, beliau kesal kerana laporan akhbar hanya memaparkan pandangan orang ramai yang menghadiri ceramah di Taman Rakyat, Alor Setar, Jumaat lalu itu, tanpa mengambil kira pendirian penganjur majlis berkenaan.

"Semua orang berhak membuat tafsiran masing-masing berhubung ceramah saya itu, sama ada orang dewasa atau kanak-kanak. Tetapi adakah adil jika laporan akhbar hanya mengambil kira pandangan dari satu pihak saja.

"Saya bukan bercakap berbelit-belit, tetapi jika laporan yang ditulis hanya untuk sebelah pihak saja, tentulah masyarakat mudah mengecam saya begitu," katanya ketika dihubungi di rumahnya, pagi ini.

Shahnon juga melahirkan rasa tidak puas hatinya kerana laporan itu hanya menyiarkan tiga pendapat individu tanpa gambar yang disifatkannya tidak memadai untuk memaparkan pandangan ribuan yang hadir di majlis itu.

Bagaimanapun, usaha untuk menghubungi Ketua Penerangan Pas kawasan Alor Star yang menganjurkan majlis ceramah berkenaan, Adnan Saat, sehingga petang semalam gagal.

Kelmarin, Shahnon dilapor menafikan beliau meminta maaf kepada Dr Mahathir ketika menyampaikan ceramahnya di Alor Star itu.

Sebaliknya beliau berkata, maksud maaf dalam ceramahnya itu ditujukan kepada pihak tertentu yang berasa disindir oleh kandungan novelnya.

Sementara itu, Persatuan Wartawan Melayu Malaysia menyifatkan kenyataan yang dibuat oleh Shahnon itu sebagai menghina profesion wartawan.

"Wartawan tidak pernah diajar untuk berbohong, tetapi malangnya orang seperti Shahnon itulah yang merosakkan profesion kewartawanan. Buat kenyataan hari ini dan atas tujuan tertentu esoknya menafikan kenyataan itu dan mendakwa kononnya wartawan menyalahafsirkan kenyataannya," kata Presidennya, Yazid Othman.

Menurutnya, beliau sudah pun meneliti transkrip ucapan Shahnon yang dan mendapati beliau memang ada meminta maaf kepada Perdana Menteri.

"Apa yang diucapkan oleh Shahnon itu adalah mudah difahami dan tak memerlukan orang sastera untuk memahaminya," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyarankan Gabungan Penulis Nasional (Gapena) mengambil tindakan terhadap Shahnon yang secara tidak langsung turut merosakkan profesion penulis di negara ini.

Di SINTOK pula, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Razak, berkata kesan negatif novel Shit kepada budaya Islam dan Melayu tidak akan terpadam walaupun penulisnya meminta maaf kepada Dr Mahathir.

Beliau berkata, walaupun Shahnon dilaporkan memohon maaf, penghinaan yang dilakukan bukan setakat menghiris perasaan Dr Mahathir malah mengotori budaya Melayu yang terkenal dengan sifat lemah-lembut dan sopan.

"Shit memang menghina nilai warisan budaya kita. Saya tidak fikir kenyataan Shahnon boleh menghilangkan kesan buruk itu," katanya selepas menyampaikan cek Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kepada pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM), di sini hari ini.

(END)